



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

GARIS PANDUAN

PENGIKTIRAFAN PROJEK PENYELIDIKAN GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Disediakan	Disemak	Diluluskan
Urus Setia GP	 ----- Puan Nor Eloni Nor Azmi Ketua Pentadbiran IDEA-UKM	 ----- Prof. Dr. Jamia Azdina Jamal Pengarah IDEA-UKM
Tarikh: 2 Mei 2024	Tarikh: 2 Mei 2024	Tarikh: 2 Mei 2024

No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kuatkuasa
02	00	2 Mei 2024



Pusat IDEA (IDEA-UKM)

**GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN PROJEK PENYELIDIKAN
GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

REKOD PINDAAN

Adalah menjadi tanggungjawab pemegang dokumen ini untuk memastikan salinan dokumen terkawal ini sentiasa dikemaskini dengan memasukkan semua pindaan yang dinyatakan dalam Rekod Pindaan

REKOD PINDAAN					
No. Bil.	No. Isu	No. Semakan	Muka Surat	Ringkasan Pindaan	Tarikh Kuat Kuasa

**DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL
PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK DIBENARKAN**



Pusat IDEA (IDEA-UKM)

**GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN PROJEK PENYELIDIKAN
GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1	MATLAMAT DAN OBJEKTIF	3
2	BAHAGIAN 1 (PENGENALAN) 1.1 Tujuan 1.2 Definisi 1.3 Kriteria 1.3.1 Kriteria Umum 1.3.2 Kriteria Khusus	4
3	BAHAGIAN 2 (PERMOHONAN) 2.1 Tatacara Permohonan 2.2 Carta Alir Permohonan	8
4	BAHAGIAN 3 (PENILAIAN) 3.1 Jawatankuasa Penilaian 3.2 Kriteria Penilaian	9
5	BAHAGIAN 4 (KEPUTUSAN) 4.1 Pemakluman Keputusan 4.2 Dokumen dan Majlis Pengiktirafan	11



Pusat IDEA (IDEA-UKM)

**GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN PROJEK PENYELIDIKAN
GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (SEMAKAN 2024)**

MATLAMAT DAN OBJEKTIF

PENGIKTIRAFAN PROJEK PENYELIDIKAN GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

MATLAMAT

Memperkasa penyelidikan translasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

OBJEKTIF

- Mengenal pasti projek penyelidikan translasi yang berimpak tinggi.
- Memberi pengiktirafan kepada projek penyelidikan yang menerobos ufuk ilmu pengetahuan dalam konteks negara, serantau dan global.



Pusat IDEA (IDEA-UKM)

**GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN PROJEK PENYELIDIKAN
GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (SEMAKAN 2024)**

BAHAGIAN 1 : PENGENALAN

1.1 TUJUAN

Pengiktirafan projek penyelidikan berstatus Gegar Gamat Pemacu Perubahan (GGPP) merupakan satu inisiatif yang memfokuskan kepada penyelidikan yang telah menghasilkan output berimpak kepada pihak berkepentingan di peringkat negara dan antarabangsa. Melalui inisiatif ini, ia dapat menyerlahkan lagi hasil penyelidikan berimpak tinggi oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang berpotensi menjadi pemacu perubahan kepada pembangunan sosioekonomi, sains dan teknologi serta kesihatan.

1.2 DEFINISI

Penyelidikan berinovasi dan berimpak tinggi dengan hasil yang telah diterjemahkan untuk manfaat pihak berkepentingan dan mempunyai impak yang boleh diukur. Pihak berkepentingan melibatkan agensi kerajaan, industri dan komuniti.

1.3 KRITERIA

1.3.1 Kriteria Umum

- a) Projek penyelidikan yang berdaftar dengan UKM dan telah mencapai sekurang-kurangnya 80% daripada pencapaian carta perbatuan atau telah selesai.
- b) Projek penyelidikan yang mempunyai sekurang-kurangnya 1 rakan kerjasama sama ada agensi kerajaan, komuniti atau industri.
- c) Projek penyelidikan telah mencapai sekurang-kurangnya tahap TRL 3 (pembuktian konsep melalui ujikaji berskala makmal) untuk bidang Sains, Teknologi dan Kesihatan.
- d) Projek penyelidikan perlu menyediakan pembuktian bagaimana kajian tersebut telah memberi impak yang signifikan kepada pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, industri dan komuniti.
- e) Projek penyelidikan telah menghasilkan kertas polisi atau memfailkan harta intelek seperti paten, pembaharuan utiliti, hak cipta, cap dagangan,

rekabentuk perindustrian, litar tutup bersepadu, kepelbagaian baharu tumbuhan dan rahsia dagangan.

1.3.2 Kriteria Khusus

Pengiktirafan projek penyelidikan GGPP adalah berdasarkan kepada impak penyelidikan seperti berikut:

a) **Taraf 1: Jalinan Hubungan**

- i. Pihak berkepentingan perlu berada pada tahap kesediaan dan penerimaan terhadap ilmu atau teknologi yang dibawa oleh universiti.
- ii. Pengukuhan hubungan di antara pihak berkepentingan dan universiti dapat dilihat menerusi surat atau emel rasmi lawatan atau kunjungan ke tempat pihak berkepentingan.
- iii. Bagi program/projek yang melibatkan komuniti secara langsung, kehadiran peserta ketika program/projek dijalankan hendaklah sekurang-kurangnya 75% daripada kehadiran yang dinyatakan dalam kertas kerja asal.

b) **Taraf 2: Sokongan & Penglibatan**

- i. Pihak berkepentingan memberi sokongan dan penglibatan penuh terhadap pelaksanaan program/projek bersama universiti. Sokongan dapat dilihat menerusi surat rakan kerjasama atau perjanjian secara formal seperti Surat Hasrat (LOI), Memorandum Persefahaman (MOU) dan Memorandum Perjanjian (MOA).
- ii. Penglibatan dapat dilihat menerusi pandangan pihak berkepentingan yang menganggap pelaksanaan program/projek adalah relevan.
- iii. Bukti dapat diperoleh melalui soal selidik atau temuramah dengan pihak berkepentingan.

c) Taraf 3 : Perubahan Pengetahuan, Sikap, Kemahiran dan Aspirasi (PSKA)

- i. Hasil pelaksanaan program/projek menyebabkan perubahan pengetahuan, sikap, kemahiran atau aspirasi kepada pihak berkepentingan.
- ii. Berjaya mencapai taraf 3 sekiranya, pihak berkepentingan menunjukkan perubahan secara positif atau bersedia untuk mengamalkan inovasi.
- iii. Bukti pengukuran melalui dapatan analisis terhadap soal selidik atau temuramah pihak berkepentingan.

d) Taraf 4: Perubahan Amalan

- i. Pihak berkepentingan mengamalkan inovasi secara berterusan setelah berlaku proses pemindahan ilmu atau teknologi menerusi pelaksanaan projek bersama universiti.
- ii. Pihak berkepentingan turut menerima manfaat secara terus dari perubahan amalan inovasi seperti pengurangan kos, peningkatan pendapatan dan kualiti kehidupan yang lebih baik.
- iii. Bukti dapat dilihat menerusi pemerhatian atau analisis data bilangan pihak berkepentingan yang mengamalkan inovasi menerusi pemindahan ilmu atau teknologi hasil projek penyelidikan.

e) Taraf 5: Pengehakupayaan

- i. Pihak berkepentingan mampu mengamalkan ilmu atau menggunakan teknologi secara mandiri walaupun projek telah tamat.
- ii. Ilmu atau teknologi yang disalurkan perlu memberi kesejahteraan komuniti, meningkatkan kualiti persekitaran dan memperkasa kelestarian dalam amalan inovasi.
- iii. Bukti dapat dilihat menerusi pemerhatian dan temu ramah bersama pihak berkepentingan.

- iv. Projek penyelidikan mempunyai impak yang boleh diukur melalui Indeks Kreativiti.

f) Taraf 6: Pengantarabangsaan


- i. Projek Penyelidikan yang telah menjadi pemacu perubahan kepada pihak berkepentingan di peringkat antarabangsa.
- ii. Projek penyelidikan telah menghasilkan kertas polisi atau memfailkan harta intelek di peringkat antarabangsa, atau projek telah mendapat pelaburan antarabangsa, atau menghasilkan penjanaan sekurang-kurangnya RM1,000,000.00 (satu juta Ringgit Malaysia) di peringkat antarabangsa.
- iii. Bukti dapat dilihat menerusi dokumen berkaitan perkara (ii) bersama pihak berkepentingan.
- iv. Projek penyelidikan mempunyai impak yang boleh diukur melalui Indeks Kreativiti.

BAHAGIAN 2 : PERMOHONAN

2.1 TATACARA PERMOHONAN

- 2.1.1 Permohonan pengiktirafan GGPP UKM dibuka sepanjang tahun.
- 2.1.2 Permohonan dibuat menggunakan borang yang disediakan oleh Pusat IDEA UKM.
- 2.1.3 Penilaian dibuat secara berkala sebanyak empat (4) kali setahun.

2.2 CARTA ALIR PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN UKM:





Pusat IDEA (IDEA-UKM)

**GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN PROJEK PENYELIDIKAN
GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (SEMAKAN 2024)**

BAHAGIAN 3 : PENILAIAN

3.1 JAWATANKUASA PENILAIAN

- 3.1.1 Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang keutamaan projek seperti di dalam borang permohonan GGPP. Jawatankuasa ini akan diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.
- 3.1.2 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan, kriteria dan lain-lain seperti yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan.
- 3.1.3 Jawatankuasa Penilaian Projek Gegar Gamat Pemacu Perubahan UKM dikenali sebagai Jawatankuasa Penilaian Gegar Gamat Pemacu Perubahan (JPGGPP) UKM.
- 3.1.4 Bidang tugas JPGGPP UKM adalah seperti berikut:
- (a) Menilai dan memperakukan permohonan penyelidikan projek gegar gamat berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh UKM;
 - (b) Memaklumkan justifikasi secara terperinci bagi permohonan yang gagal diiktiraf sebagai gegar gamat;
 - (c) Menilai prestasi projek penyelidikan gegar gamat;
 - (d) Memberi cadangan dan saranan bagi kelangsungan projek berdasarkan kepada prestasi projek dan kewangan; dan
 - (e) Menjaga etika dan kerahsiaan permohonan.
- 3.1.5 Ahli Jawatankuasa Penilaian terdiri daripada:
- (a) TNC HEPI (Pengerusi)
 - (b) Wakil Pihak Berkepentingan (yang berkaitan)
 - (c) Pengarah Entiti HEPI
 - (d) Peneraju Kluster Penyelidikan
 - (e) Wakil Pejabat TNC HEJIM
 - (f) Pakar Bidang (yang berkaitan)



Pusat IDEA (IDEA-UKM)

**GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN PROJEK PENYELIDIKAN
GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (SEMAKAN 2024)**

3.2 KRITERIA PENILAIAN

Kriteria penilaian pengiktirafan projek penyelidikan GGPP UKM adalah seperti yang dinyatakan di dalam perkara 1.3.



Pusat IDEA (IDEA-UKM)

**GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN PROJEK PENYELIDIKAN
GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (SEMAKAN 2024)**

BAHAGIAN 4 : KEPUTUSAN

4.1 PEMAKLUMAN KEPUTUSAN

4.1.1 Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi UKM akan mengeluarkan surat keputusan permohonan dan sijil pengiktirafan GGPP kepada pemohon yang berjaya sahaja dan disalinkan kepada Pejabat Kedekanaan/Pejabat Pengurusan di Pusat Tanggungjawab pemohon, Pusat IDEA UKM dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) UKM.

4.1.2 Keputusan Jawatankuasa Penilaian adalah muktamad

4.2 DOKUMEN DAN MAJLIS PENGIKTIRAFAN

4.2.1 Sijil Pengiktirafan

(a) Setiap permohonan yang berjaya akan diberikan sijil pengiktirafan yang ditandatangani oleh Naib Canselor UKM.

(b) Sijil pengiktirafan akan turut diberikan kepada setiap ahli kumpulan penyelidikan.

4.2.2 Majlis Pengiktirafan

(a) Setiap permohonan yang berjaya akan diraikan dalam Majlis Pengiktirafan GGPP UKM.



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*National University
of Malaysia*

Pusat IDEA (IDEA-UKM)

**GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN PROJEK PENYELIDIKAN
GEGAR GAMAT PEMACU PERUBAHAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (SEMAKAN 2024)**

PUSAT IDEA

Aras 2 Kompleks Penyelidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan
idea@ukm.edu.my

**DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL
PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK DIBENARKAN**